

# Separuh sungai dunia dicemari bahan kimia perubatan

UTUSAN MALAYSIA

MS:40

24/6/2022

**LONDON:** Sepasukan penyelidik dari Universiti York mendapati hampir separuh sungai di dunia dicemari kandungan pelbagai bahan kimia perubatan.


Kajian melibatkan ujian pensampelan air di 1,052 sungai merentasi 104 negara dan mendapati tahap tidak selamat kerana mengandungi ubat-ubatan termasuk antikemurungan dan ubat penahan sakit.

*Daily Mail* melaporkan, sampel turut diambil di negara seperti United Kingdom, Australia, Perancis dan Amerika Syarikat.

Keputusan kajian menunjukkan sebanyak 43.5 peratus lokasi tersebut mempunyai kepekatan 23 bahan farmaseutikal aktif.

Kajian tersebut merupakan penilaian global pertama mengkaji kesan farmaseutikal dan campuran bahan tersebut ke dalam aliran sungai.

Pengarang bersama kajian itu, Alejandra Bouzas-Monroy



**KAJIAN** mendapati Sungai Nairobi, Kenya paling tercemar di dunia kerana mengandungi bahan kimia perubatan yang tinggi.- AFP

berkata, hasil penemuan pihaknya mendapati sebahagian besar sungai di seluruh dunia terancam dengan pencemaran farmaseutikal.

Jelasnya, usaha keras perlu

dilakukan bagi mengurangkan pelepasan bahan kimia tersebut yang mencemarkan alam sekitar.

“Lokasi sungai yang paling dicemari terletak di Nairobi, Kenya,” katanya.